

Oleh Noor Azlina
Zainudin
azlina.z@bh.com.my

► Kuala Terengganu

Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) akan bekerjasama dengan Universitas Teuku Umar (UTU) dan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat bagi melaksanakan kajian peringkat serantau bersifat eksplorasi di Aceh.

Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Yahaya Ibrahim, berkata hasil daripada kajian eksplorasi yang akan dijalankan

Kajian eksplorasi UniSZA, UTU

tahun depan itu didokumentasikan bagi membantu perkembangan dan pembangunan wilayah berkenaan.

Selain itu, katanya, ia boleh dijadikan bahan penerbitan ilmiah berbentuk buku atau filem selain jurnal untuk rujukan pelajar.

"Ramai tidak sedar, banyak yang perlu kita pelajari di Wilayah Aceh Barat kerana mereka mempunyai pelbagai khazanah belum diteroka sama ada dalam bidang sains dan sebagainya.

Pembuka jalan

"Oleh itu, kerjasama ini boleh dianggap sebagai pembuka jalan untuk memudahkan segala urusan antara kedua-dua pihak pada masa akan datang," katanya pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara UniSZA dan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat di sini, baru-baru ini.

Pada majlis berkenaan, Prof

Yahaya mewakili UniSZA manakala Pemerintah Aceh Barat diwakili Drs Rahmat Fitri dari Bupati Aceh Barat, sambil disaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Nik Wan Omar dan Rektor UTU, Prof Dr Jasman Ma'ruf.

Dalam perkembangan lain, Prof Yahaya berkata, seramai 10 pelajar Aceh sedang mengikuti pengajian di UniSZA

manakala 15 lagi akan memulakan pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah tahun ini.

Yuran pengajian

"UniSZA bersedia memberi sedikit keistimewaan kepada pelajar Aceh terutama membabitkan yuran pengajian dalam usaha membantu dan mempermudahkan urusan mereka ketika menimba ilmu di negara ini."

Tambahan pula, memang menjadi dasar UniSZA untuk

memberi perhatian kepada pelajar yang memerlukan bantuan bukan sahaja dari Aceh, tetapi juga negara lain terutama negara jiran," katanya.

Sementara itu, Drs Rahmat berharap kajian yang bakal dilakukan mampu mengeratkan lagi hubungan erat yang sedia terjalin antara UniSZA dengan Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat sekali gus membantu meningkatkan lagi bidang pendidikan tinggi di daerah berkenaan.



Pengurusan kanan UniSZA bergambar bersama-sama wakil Pemerintah Daerah Kabupaten Aceh Barat dan UTU selepas majlis menandatangani MoU, baru-baru ini.